

Sorotan Literatur Bersistematik: Meneroka Kaedah Kawalan Emosi Pelajar Pintar Cerdas Di Kolej Permata Insan

Mohd Tarmizi Che Mat^{1*}; Nor Aniza Ahmad²

¹²Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia

*Email: ustazmizinaka2@gmail.com

Abstrak

Kajian literatur bersistematik ini mengkaji kaedah kawalan emosi pelajar pintar cerdas di Kolej Permata Insan. Kajian ini menganalisis artikel yang diterbitkan antara Januari 2020 dan Oktober 2024 daripada pangkalan data Scopus dan SAGE Journals untuk menjawab persoalan kajian. Majoriti kajian tertumpu kepada kaedah yang digunapakai oleh pelajar pintar cerdas di Kolej Permata Insan untuk mengawal emosi negatif yang timbul akibat daripada tekanan akademik dan sosial. Kajian literatur ini mendapati bahawa tidak banyak kajian-kajian lampau berkenaan emosi pelajar dalam apa jua aspek sama ada positif ataupun negatif boleh didapati daripada kedua-dua sumber tersebut terutama yang melibatkan pelajar pintar cerdas di Malaysia.

Kata kunci : Pintar cerdas; Emosi negatif; Permata Insan

1.0 Pengenalan

Sorotan Literatur Bersistematik ini mengkaji kajian-kajian lampau berkenaan kaedah kawalan emosi pelajar pintar cerdas akibat daripada tekanan yang dihadapi daripada sudut tekanan akademik atau tekanan sosial. Pengetahuan berkenaan kaedah - kaedah yang digunakan oleh pelajar-pelajar pintar cerdas ini dalam membantu mereka mengawal emosi negatif yang timbul dalam diri mereka akan dapat membantu guru dan pendidik memperbaiki amalan pengajaran dan berkemungkinan akan mengubah sistem dan disiplin sedia ada bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran di institusi-institusi pendidikan yang melibatkan pelajar pintar cerdas, terutamanya di KPI.

2.0 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini dilaksanakan untuk meneroka dan memahami kesediaan pelajar pintar cerdas di Kolej Permata Insan dalam mengawal emosi mereka, khususnya dalam menghadapi tekanan akademik dan sosial. Objektif khusus yang telah digariskan oleh pengkaji adalah seperti berikut:

1. Menentukan sama ada tekanan akademik dan sosial memberikan tekanan kepada pelajar KPI.
2. Mengenalpasti bentuk emosi negatif yang ditunjukkan oleh pelajar pintar cerdas KPI semasa menghadapi tekanan akibat akademik dan sosial.
3. Meneliti kesan negatif tekanan akademik dan sosial terhadap pelajar KPI.
4. Mengenalpasti kaedah yang digunakan oleh pelajar pintar cerdas di KPI untuk mengawal emosi mereka.
5. Mendapatkan cadangan daripada pelajar pintar cerdas di KPI untuk meningkatkan sokongan emosi mereka.

3.0 Metodologi

Dalam menjalankan sistematik review ini, pengkaji telah menggunakan pangkalan data SAGE Journals, dan Scopus yang mengumpulkan kajian-kajian ilmiah yang berkaitan dengan kaedah kawalan emosi bagi pelajar pintar cerdas. Pangkalan data ini dipilih kerana kebolehpercayaannya dan capaian kepada artikel yang berkualiti tinggi.

4.0 Strategi Carian

Pencarian artikel-artikel ini adalah berfokus dengan menggunakan pangkalan data Scopus dan SAGE Journals. Pemboleh ubah yang telah dikenal pasti dalam kajian ini adalah emosi pelajar pintar cerdas. Kata kunci “emotional” dan “gifted” telah digunakan untuk mencari artikel yang relevan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Jadual 1 Kata Kunci dan Pangkalan Data digunakan dalam Carian Artikel

Pangkalan data	Kata kunci yang digunakan
Scopus	TITLE-ABS-KEY ((emotio* AND gifted student), (emosi AND “pintar cerdas”))
SAGE Journals	Search all journals ((emotio* AND gifted student), (emosi AND “pintar cerdas”))

5.0 Peringkat pemilihan

Dalam peringkat pemilihan artikel, garis panduan Perfect Reporting Items for Systematic Review and Meta-Analyses (PRISMA) telah digunakan sebagai panduan untuk membuat pemilihan dan penyemakan artikel berdasarkan persoalan kajian. Penggunaan PRISMA membenarkan carian rapi dan sistematik berkaitan emosi pelajar pintar cerdas melalui proses tapisan berdasarkan kelayakan dan pengecualian artikel yang diperoleh daripada pangkalan data yang dipilih iaitu SAGE Journals dan Scopus.

6.0 Kriteria Kelayakan dan Pengecualian


Beberapa kriteria telah ditetapkan untuk kelayakan dan pengecualian untuk menapis artikel yang diperoleh daripada pangkalan data SCOPUS dan SAGE Journals iaitu dari segi jenis dokumen, bahasa, garis masa penerbitan, negara dan artikel jurnal boleh diakses. Dalam peringkat ini, pemilihan artikel terhadap kepada artikel jurnal yang boleh diakses dari tahun 2020 sehingga 2024 bagi memastikan kerelevanan artikel tersebut dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Artikel dalam bahasa inggeris dan bahasa melayu dipilih agar lebih mudah difahami dan ditafsirkan. Manakala, artikel jurnal yang tidak mempunyai akses terbuka, artikel jurnal dalam bahasa selain bahasa Inggeris dan melayu serta prosiding, persidangan, tesis atau buku adalah dikecualikan. Kriteria pemilihan dan penerimaan artikel ditunjukkan dalam Jadual 2 seperti berikut.

Jadual 2 Kriteria pemilihan dan penerimaan artikel

Kriteria	Kelayakan	Pengecualian
Jenis literatur	Journal berindeks (artikel)	Jurnal tidak terindeks, buku, prosiding persidangan
Bahasa	English, Bahasa Malaysia	Non-english (except Bahasa Malaysia)
Jangka masa	Antara tahun 2020 -2024	<2020
Indeks	Indeks Sains Sosial (psikologi)	Indeks Sains

Proses semakan bersistematik mempunyai beberapa tahap. Tahap pertama adalah proses mengenal pasti (identification) artikel yang wujud dalam pangkalan data Scopus dan SAGE Journal berdasarkan kata kunci yang digunakan untuk proses carian. Hasil carian menggunakan kata kunci yang digunakan menunjukkan bahawa terdapat 375 dokumen daripada Scopus dan 5 dokumen daripada SAGE Journal. Pengkaji juga cuba melihat dapatan daripada Google Scholar sebagai sumber sampingan.

Tahap yang kedua adalah proses saringan (screening) yang mana 355 dokumen dikecualikan berdasarkan jenis dokumen bukan artikel jurnal, tahun penerbitan adalah tahun 2019 dan ke bawah, bahasa selain bahasa inggeris dan bahasa melayu dan jurnal tidak berkaitan bidang psikologi. Tahap ketiga ialah proses kelayakan (eligibility) yang mana artikel penuh telah diperiksa dan didapati 17 artikel telah dikeluarkan kerana tidak berkait rapat dengan emosi pelajar pintar cerdas dan hanya 27 artikel jurnal sahaja yang perlu dibuat penyelidikan meta- analisis iaitu penyaringan melalui pelbagai kaedah supaya sepadan dan layak. Hasil meta-analisis mendapati bahawa hanya 7 jurnal kajian yang layak diambil kira sebagai kajian yang paling berkaitan dengan emosi pelajar pintar cerdas. Rajah 1 menunjukkan proses semakan secara sistematik dijalankan dalam kajian ini. Manakala, Jadual 3 menunjukkan hasil dapatan awal 3 artikel jurnal yang layak dimasukkan dianalisa secara kualitatif.



Rajah 1 Proses pemilihan artikel melalui PRISMA (Sumber: Mengist et al., (2020)

Daripada proses tersebut, pengkaji mendapati hanya 3 artikel yang benar-benar menepati kelayakan kajian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3 Dapatkan Awal Jurnal Artikel Yang Layak Dianalisa

Penulis	Tahun	Tajuk
Tengku Elmi Azlina	2024	Profil Isu Sosioemosi Pelajar Pintar Dan Berbakat
Pinxten, W.L.F.-V.	2023	The Psychological World of Highly Gifted Young Adults: a Follow-up Study
Sisk, D.	2023	Managing the emotional intensities of gifted students with mindfulness practices
Tsai, Minying	2024	The pilot study on the effect of a Compassion-Based Program on gifted junior high school students' emotional styles, Self-Compassion, Empathy, and Well-Being
Monzó-Martínez, Anna	2024	Teacher Attitudes towards Serving Gifted Students in the Valencian Community. A Case Study
Tsai, Minying	2023	Comparing Perfectionism, Cognitive Mindset, Constructive Thinking, and Emotional Intelligence in Gifted Students by Grade and Gender
Sisk, Dorothy	2021	Managing the emotional intensities of gifted students with mindfulness practices

Dapatan dan Perbincangan

Emosi negatif merujuk kepada perasaan atau reaksi yang biasanya dikaitkan dengan pengalaman yang tidak menyenangkan atau tekanan. Contoh emosi negatif termasuk marah, sedih, cemas, takut, kecewa, rasa bersalah, malu, dan benci. Emosi ini boleh mempengaruhi seseorang secara mental dan fizikal, dan jika tidak ditangani dengan betul, boleh membawa kepada masalah kesihatan mental seperti kemurungan dan kebimbangan (Barlow, 2002). Tekanan adalah emosi negatif yang sangat biasa di kalangan pelajar. Ia boleh disebabkan oleh beban kerja akademik yang tinggi, ekspektasi yang tinggi dari ibu bapa dan guru, serta kekangan masa. Pelajar sering merasakan tekanan untuk mencapai kecemerlangan akademik, yang boleh menyebabkan keletihan mental dan fizikal.

Kebimbangan pula merujuk kepada perasaan risau yang berterusan tentang pelbagai perkara seperti peperiksaan, kerja sekolah, dan interaksi sosial. Kebimbangan ini boleh mengganggu tumpuan dan mengurangkan keupayaan pelajar untuk belajar dengan berkesan. Selain itu, kebimbangan yang berlebihan boleh menyebabkan gangguan tidur dan kesihatan fizikal yang lain. Selain itu, perasaan kecewa pula adalah perasaan yang timbul apabila pelajar gagal mencapai matlamat mereka. Kecewa boleh menyebabkan kehilangan motivasi dan minat dalam pelajaran. Pelajar yang kerap merasa kecewa mungkin akan mula meragui kebolehan mereka sendiri dan merasakan bahawa usaha mereka tidak berbaloi.

Menurut kajian oleh Garfin et al. (2020), tekanan yang dialami oleh pelajar boleh mempengaruhi kesihatan mental mereka secara keseluruhan, menyebabkan gangguan seperti kebimbangan dan kemurungan. Kajian oleh Guse et al. (2022) pula menunjukkan bahawa kebimbangan akademik adalah salah satu faktor utama yang menyumbang kepada tekanan di kalangan pelajar. Kebimbangan dan tekanan akan mengundang kekecewaan. Kekecewaan yang berterusan boleh menyebabkan penurunan dalam prestasi akademik dan keyakinan diri pelajar (Lee et al., 2021).

Kajian lepas telah menunjukkan dengan yakin bahawa pelajar pintar cerdas menghadapi pelbagai isu sosioemosi seperti keinginan untuk kesempurnaan, keterujaan yang luar biasa, dan beberapa kategori emosi lain. Ia mengundang perasaan rasa tidak puas hati, bimbang, takut, putus asa, marah, dan tertekan. Ciri-ciri negatif ini akan membebankan pelajar. Dalam konteks pembelajaran, emosi negatif ini boleh merencatkan proses pembelajaran akibat konflik interaksi yang timbul. (Bee 1999; Rimm 2003; Ng Sen Fa 2005; Ananda Kumar 2008; Mohd Zuri et al. 2008). Namun begitu, dapatan ini hanya secara tidak langsung sahaja. Kurangnya kajian langsung berkenaan pengurusan emosi negatif pelajar pintar cerdas.

Dapatan daripada kajian lepas juga memberikan penjelasan yang sebenar bahawa banyak kajian lalu hanya tertumpu kepada pengetahuan berkenaan kesan daripada sesuatu tindakan terhadap emosi pelajar. Tidak banyak kajian lepas yang meneliti apakah sebenarnya emosi yang selalu dihadapi oleh pelajar pintar cerdas, terutamanya emosi negatif mereka. Kajian lepas juga kurang menumpukan kepada bagaimana pelajar pintar cerdas belajar menguasai emosi negatif mereka.

Pengkaji memerhatikan bahawa perlunya untuk menilai emosi negatif pelajar pintar cerdas. Kajian perlu dilakukan untuk menilai apakah sebenarnya emosi negatif yang selalunya dihadapi oleh mereka. Apakah kaedah yang mereka gunakan untuk membantu mereka menguruskan emosi negatif tersebut? Adakah rakan, guru dan ibu bapa terlibat dalam pengurusan emosi negatif mereka? Persoalan ini perlu dijelaskan melalui kajian empirikal yang berkesan. Justeru, pengkaji mengetengahkan satu kajian kualitatif yang mampu mendapatkan jawapan kepada persoalan tersebut secara mendalam dan empirikal. Pengkaji menjadikan pelajar pintar cerdas di Kolej Permata Insan sebagai responden. Hasil kajian diharap dapat menjelaskan apakah emosi negatif yang mereka alami sebagai seorang pelajar pintar cerdas. Begitu juga, kajian ini diharap dapat menjelaskan apakah kesan yang mereka alami akibat daripada emosi negatif yang timbul. Seterusnya, kajian ini diharap dapat menjelaskan bagaimana mereka menguruskan emosi negatif tersebut.

Oleh kerana kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar pintar cerdas sahaja, berkemungkinan sifat emosi yang akan dijelaskan nanti adalah tidak sepadan dengan dapatan kajian terhadap pelajar biasa. Malahan kajian ini akan dapat membantu pelajar pintar cerdas untuk memahami perasaan sesama mereka. Sebagai manusia biasa, kita merasakan bahawa apabila kita mengalami sesuatu emosi, kita menganggap bahawa hanya kita berseorangan yang mengalami emosi tersebut, tidak ada orang yang dapat memahami apa yang kita alami. Dalam masalah ini, kajian ini cuba untuk membuktikan bahawa akan ada lebih daripada

seorang yang akan mengalami nasib dan emosi yang sama. Oleh itu, kaedah yang digunakan untuk melaluinya juga boleh dikongsi untuk mendapatkan kesan dan manfaat bersama.

Kajian ini juga diharap dapat memberikan pemahaman yang lebih luas kepada para guru, ibu bapa, pentadbir sekolah, kaunselor dan keluarga dan rakan sebaya bagi pelajar pintar cerdas. Kebanyakan kita juga kurang mengetahui apakah emosi terutamanya emosi negatif yang lazimnya menghantui dan merosakkan pelajar pintar cerdas. Dengan adanya pengetahuan yang mendalam berkenaan emosi mereka, pemahaman akan meningkat dan tindakan yang akan diambil sudah tentu akan sedikit mengalami perubahan berbanding sebelum ini.

Rujukan

- Burnham, J. F. (2006). Scopus Database: A Review. *Biomedical Digital Libraries*, 3(1), 1.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. SAGE Publications.
- Falagas, M. E., Pitsouni, E. I., Malietzis, G. A., & Pappas, G. (2008). Comparison of PubMed, Scopus, Web of Science, and Google Scholar: Strengths and Weaknesses. *The FASEB Journal*, 22(2), 338-342.
- Gross, J. J. (2015). Emotion Regulation: Current Status and Future Prospects. *Psychological Inquiry*, 26(1), 1-26.
- Higgins, J. P. T., & Green, S. (Eds.). (2011). *Cochrane Handbook for Systematic Reviews of Interventions*. The Cochrane Collaboration.
- Jacsó, P. (2005). Google Scholar: The Pros and the Cons. *Online Information Review*, 29(2), 208-214.
- Jesson, J., Matheson, L., & Lacey, F. M. (2011). *Doing Your Literature Review: Traditional and Systematic Techniques*. SAGE Publications.
- Kitchenham, B., & Charters, S. (2007). *Guidelines for Performing Systematic Literature Reviews in Software Engineering*. Technical report, EBSE Technical Report EBSE-2007-01.
- Lee, S. Y., & Olszewski-Kubilius, P. (2006). A Study of Curricular Options for Gifted Students. *Gifted Child Quarterly*, 50(4), 300-321.
- Lu, Z. (2011). PubMed and Beyond: A Survey of Web Tools for Searching Biomedical Literature. *Database*, 2011.
- Wood, M. J. (2010). The Reliability and Validity of the SAGE Research Methods Database: Implications for Librarians and Educators. *Journal of Academic Librarianship*, 36(6), 500-503.